

ELAK DAKWAAN PETI DITUKAR GANTI — PM

Sistem baru kira undi pilihanraya

16 MAR 1990

KUALA LUMPUR 15 Mac — Perdana Menteri berkata, sistem baru pengiraan undi di tempat mengundi, yang dicadangkan dalam pindaan Akta Pilihanraya akan dapat mengelakkan tohmahan kononnya kerani mengira undi sengaja salah kira kertas undi untuk faedah calon tertentu.

Ia juga dapat mengelak dakwaan kononnya peti undi ditukar ganti ketika dalam perjalanan ke tempat mengira undi, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad semasa membentangkan pindaan itu buat bacaan kali kedua di Dewan Rakyat, hari ini. Cadangan pindaan yang dikemukakan itu ialah untuk meninda takrif "tempat mengundi" dalam akta yang ada, bagi memperluaskan penggunaannya sebagai "tempat mengira undi" dan secara langsung mewujudkan sistem baru dalam pengiraan undi, katanya.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, tohmahan dalam cara peng-

iraan undi dapat dielakkan kerana sistem baru itu akan menggunakan kertas pengumpulan maklumat, yang membolehkan agen - agen mengira undi sama - sama mencatat jumlah undi yang diperolehi oleh calon - calon.

Kesilapan pengiraan undi juga dapat dikurangkan dan dielakkan melalui sistem baru itu kerana jumlah kertas undi yang dikira bagi satu - satu tempat mengira undi adalah lebih kecil jumlahnya.

Beliau berkata, mengikut sistem pengiraan undi yang dicadangkan, pengiraan undi dijalankan di tempat mengundi oleh ketua tempat mengundi dan tidak oleh pegawai pengurus pilihanraya di satu pusat pengiraan undi bagi sesuatu bahagian pilihanraya, seperti yang dilakukan sekarang.

Bagaimanapun, bagi kawasan tertentu yang didapati pengiraan undi di tempat mengundi tidak dapat diadakan, sistem yang wujud sekarang, iaitu pengiraan undi yang dipusatkan, masih boleh dipakai dengan sedikit pindaan.

Perdana Menteri berkata, sistem baru itu akan dilaksanakan bersama - sama beberapa perkara lain seperti:

LIHAT MUKA 2

Sistem baru kira-undi pilihanraya

"Setiap tempat mengundi menjadi tempat mengira undi dan kakitangan pengundian yang sama akan menjadi kakitangan bagi pengiraan undi. Agen-agen boleh mengawasi sepanjang pengiraan undi dijalankan"

"Setelah pengiraan undi selesai, keputusan sementara boleh disampaikan menerusi telefon atau alat semboyan kepada pegawai pengurus"

"Pegawai pengurus akan menjumlahkan kesemua keputusan untuk menentukan calon yang menang" dan

"Keputusan muktamad hanya akan diumumkan setelah pegawai pengurus menerima penyata pengundian daripada ketua tempat mengundi."

Perdana Menteri yakin melalui sistem baru itu keputusan pilihanraya akan dapat diperolehi lebih cepat iaitu antara pukul 8 dan 9 malam, kerana ketua tempat mengundi akan hanya mengira paling banyak 700 atau 1,400 kertas undi, sekiranya pilihanraya Parlimen dan Dewan Undangan Negeri dijalankan serentak.

Ini berbeza dengan sistem sekarang yang memerlukan semua peti undi harus sampai ke pusat pengiraan undi sebelum pengiraan dapat dimulakan iaitu biasanya pada pukul 8.30 malam.

Selain daripada itu, purata kira-kira 100,000 kertas undi bagi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri akan dikira, dan keputusan biasanya diketahui hanya selepas pukul 1 pagi.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, sistem baru itu juga akan mewujudkan suasana yang lebih tenteram dengan mengalihkan tumpuan penyokong parti dan orang ramai ke beberapa tempat mengira undi, berbanding tumpuan ke satu pusat pengiraan seperti sekarang.

Katanya, pergerakan peti undi sejumlah kertas undi dikira, akan juga dapat dielakkan yang memberi lebih keyakinan kepada semua pihak.

Perdana Menteri berkata, sistem baru itu juga akan menjelaskan kedudukan sebenar jumlah undi bagi pilihanraya Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

Perdana Menteri berkata, mengikut sistem sekarang, adakalanya timbul keraguan beberapa pihak berhubung perbezaan jumlah undi di Parlimen dan Negeri dalam bahagian Parlimen berkenaan.

Beliau berkata, sistem baru itu bukanlah merupakan satu sistem asing kerana ia telah dilaksanakan dengan jayanya di kebanyakan negara maju dan negara membangun.

Perdana Menteri berkata, cadangan pindaan kepada akta itu tidak menentukan peraturan pengiraan undi secara terperinci kerana ia akan disediakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya mengikut kuasa yang ada padanya di bawah Seksyen 16 (i) (j) Akta yang ada. — Bernama.